

Kerakyatan kehormat rancakkan ekonomi negara

UM 12 OCT 2002

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Cadangan memberikan kerakyatan kehormat kepada warga asing bukan hanya merancakkan ekonomi negara tetapi juga membolehkan negara bersaing dalam era pasaran terbuka.

Presiden Syarikat-Syarikat Senaraian Awam Malaysia (FP-LC), Datuk Megat Najmuddin Megat Khas berkata, langkah itu perlu disegerakan berikutan kekurangan tenaga pakar dan golongan profesional dalam bidang tertentu di negara ini.

“Pada masa ini, warga asing yang datang ke Malaysia pada masa ini adalah golongan yang kurang kemahiran dan kita perlu melakukan perubahan segera kerana kita perlu mewujudkan organisasi bertaraf dunia,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas hasrat kerajaan memberi status kerakyatan kehormat kepada orang asing yang mahu menyumbang

Semalam Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerakyatan kehormat berbeza dengan migrasi perniagaan seperti yang ditawarkan oleh negara lain yang menetapkan pembawaan masuk jumlah wang tertentu bagi mendapatkan kerakyatan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia perlu fleksibel dalam isu kerakyatan terutamanya dalam memberikan pengiktirafan terhadap sumbangan warga asing

Menurut Najmuddin, pemberian kerakyatan kehormat juga memungkinan tokoh korporat asing memulakan operasi syarikat mereka di negara ini nanti.

Ditanya sama ada langkah itu berkesan jika diambil kira gaji yang bakal mereka peroleh agak rendah berbanding negara maju, beliau menambah, pemberian kerakyatan kehormat dijangka mendapat sambutan kerana bukan semua orang memikirkan